



PERTANDINGAN MENCIPTA LAGU
PEJABAT DAERAH DAN TANAH MANJUNG

BORANG PENYERTAAN

1. Tajuk Lagu :

2. Nama Pencipta :

No. Kad Pengenalan :

Unit / Bahagian :

3. Nama Penulis Lirik :

No. Kad Pengenalan :

Unit / Bahagian :

4. Pengakuan Peserta

Saya mengaku bahawa ciptaan lagu dan lirik adalah ciptaan asal dan bersetuju mematuhi segala syarat pertandingan yang telah ditetapkan.

.....

(Nama :)

(Tarikh:)

5. Borang Penyertaan yang telah dilengkapkan beserta CD lagu dan lirik hendaklah dihantar **sebelum 15 September 2015** kepada :

Urusetia Pertandingan Mencipta Lagu Pejabat Daerah dan Tanah Manjung,
Bahagian Khidmat Pengurusan.

atau e-mel ke pdmanjung@perak.gov.my / pdmanjung@gmail.com

Syarat – syarat penyertaan

Kelayakan

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Manjung sahaja.
2. Hanya satu lagu yang terpilih sahaja akan memenangi hadiah utama dan lagu tersebut akan digunakan sebagai lagu rasmi jabatan.
3. Pertandingan ini dianjurkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan dengan kerjasama Kelab PETANDA Manjung.

Penggubahan Irama dan Lirik Lagu

1. Ciptaan lagu hendaklah berpaksikan Pejabat Daerah dan Tanah Manjung secara keseluruhannya dan menggambarkan keharmonian dan semangat kerjasama dalam lagu serta liriknya.
2. Lirik lagu mestilah ditulis dalam Bahasa Melayu dan diringi irama muzik yang sesuai. Lirik mestilah mempunyai perkataan 'Pejabat Daerah dan Tanah Manjung'.
3. Lirik lagu tidak boleh mengandungi perkataan, luahan perasaan yang tidak sesuai atau menghina, menggambarkan sifat perkauman, kebencian, diskriminasi kaum, jantina, agama, umur atau apa – apa unsur yang tidak sesuai.
4. Tajuk lagu ciptaan adalah bebas.
5. Lagu ciptaan hendaklah berentak irama muzik kontemporari dan digalakkan menggunakan tempo antara sederhana ke rancak.
6. Tempoh masa bagi setiap gubahan lagu hendaklah tidak kurang dari 2 minit dan tidak boleh melebihi 3 minit.
7. Rakaman contoh persembahan / penyampaian lagu hendaklah menggunakan sekurang – kurangnya satu alat muzik.
8. Lagu ciptaan mestilah asli dan belum pernah disiarkan di mana – mana media.
9. Lagu ciptaan boleh digubah oleh beberapa komposer serta penulis lirik tetapi hanya satu komposer dan satu penulis lirik sahaja mesti dinyatakan namanya dalam borang penyertaan.
10. Penyertaan lebih dari satu lagu adalah dibenarkan namun setiap penyertaan hendaklah di dalam borang penyertaan berasingan.

Hak cipta

1. Lagu ciptaan yang terpilih akan menjadi hak milik Pejabat Daerah dan Tanah Manjung.
2. Semua penyertaan lagu serta lirik tidak akan dipulangkan.

Penentuan Pemenang serta Hadiah

1. Lagu terbaik akan memenangi hadiah wang tunai bernilai RM 500.00. Hadiah saguhati wang tunai bernilai RM 100.00 setiap satu akan diberikan kepada 4 penyertaan lain yang terpilih.
2. Setiap penyertaan akan diberikan sijil penyertaan.
3. Pemenang akan ditentukan oleh panel penilai yang diketuai oleh Tuan Pegawai Daerah Manjung.
4. Semua pemenang akan dimaklumkan menerusi surat dan telefon.
5. Keputusan pemilihan pemenang adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.